

TEKS UCAPAN
KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSELOR UniMAP
SEMPENA MAJLIS PELANCARAN UniMAP
PADA 7 FEBRUARI 2007 BERTEMPAT DI DEWAN WARISAN,
KANGAR, PERLIS.

Bismillah hirrahman nirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan selamat sejahtera.

Mengadap Duli Yang Maha Mulia, Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Raja Perlis dan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Tengku Fauziah Binti Al-Marhum Tuanku Abdul Rashid, Raja Perempuan Perlis.

Mengadap Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis, Tuanku Canselor UniMAP dan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, Raja Puan Muda Perlis.

Ampun tuanku, sembah patik mohon di ampun,

Terlebih dahulu patik bagi seluruh warga kerja Universiti Malaysia Perlis ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga di atas

perkenan Duli Tuanku berdua kerana sudi bercemar duli berangkat ke majlis pelancaran Universiti Malaysia Perlis pada malam ini.

Patik juga ingin merafak sembah, menjunjung penuh kasih kepada Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis,Tuanku Canselor UniMAP dan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, Raja Puan Muda Perlis.

Sesungguhnya kehadiran Duli-duli Tuanku pada malam ini amat besar ertiannya buat kami semua di universiti ini. Patik dan seluruh warga UniMAP menjunjung penuh kasih kepada Duli Tuanku berdua kerana telah sudi bercemar duli berangkat ke kampus UniMAP sempena lawatan kerja yang bermula dari pagi hingga ke petang pada hari ini. Duli Tuanku berdua telah menyaksikan perkembangan dan pembangunan UniMAP selama lima tahun dalam aspek pengajaran dan pembelajaran serta bidang penyelidikan di UniMAP.

Ampun tuanku,

Izinkan patik menyampaikan ucapan kepada barisan tetamu yang hadir.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Shahidan Bin Kassim, Menteri Besar Perlis dan Yang Amat Berbahagia Datin Seri.

Yang Berhormat Tuan Haji Ismail Osman, Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis dan Yang Berbahagia Isteri.

Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Syed Jalaludin Syed Salim, Pengurus Lembaga Pengarah Universiti dan Yang Berbahagia Puan Sri.

Yang Berbahagia Datuk Prof. Dr. Hassan Said, Ketua Pengarah, Jabatan Pengurusan IPT, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Yang Berbahagia Datin.

Yang Berbahagia Dato' Seri Ibrahim Abu Shah, Naib Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Yang Berbahagia Datin.

Ahli – Ahli Yang Berhormat Dan Isteri. Dif – Dif Kehormat.

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ali Yeon Md Shakaff, Timbalan Naib Canselor (Akademik Dan Antarabangsa)

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Zul Azhar Zahid Jamal Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan Dan Inovasi)

Pegawai-Pegawai Utama UniMAP. Dekan – Dekan Dan Ketua-Ketua Jabatan.Wakil-Wakil Media.

Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Alhamdullillah, marilah kita bersama-sama merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala yang tidak putus-putus bermurah hati memanjangkan usia, mengurniakan kesempurnaan akal, menganugerahkan kesihatan jasad dan memberikan keupayaan hingga membolehkan kita semua sekali lagi berhimpun dan bertemu di Majlis Pelancaran Universiti Malaysia Perlis pada malam ini.

Sebelum meneruskan ucapan, sukacita saya, bagi pihak pengurusan dan seluruh warga kerja Universiti Malaysia Perlis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Shahidan Bin Kassim, Menteri Besar Perlis kerana sudi hadir ke majlis ini.

Ucapan terima kasih juga dititipkan buat semua dif-dif kehormat kerana sudi meluangkan masa dan melapangkan diri untuk memeriahkan lagi majlis malam ini. Ucapan syabas dan tahniah saya ucapkan kepada seluruh anggota jawatankuasa majlis pelancaran ini kerana menunjukkan komitmen yang tinggi dalam usaha mencanai idea, mensinergikan tenaga, menyempurnakan kerja, menzahirkan upacara, sehingga program ini terlaksana dengan penuh adab dan jayanya.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

Sepanjang lima tahun yang lepas tidak dapat dinafikan banyak perkara yang telah kita pelajari dalam membangunkan sebuah universiti iaitu Kolej Universiti kejuruteraan Utara Malaysia. Pelbagai rintangan dan cabaran terpaksa ditempuhi bagi memastikan KUKUM di kenali ramai dan mampu menghasilkan 'end product' yang berkualiti, mampu bersaing dan boleh diterima di pasaran.

Hari ini, berkat kegigihan dan kecemerlangan kakitangan serta sokongan dan bantuan daripada Kerajaan Negeri Perlis di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Shahidan Bin Kassim, KUKUM telah dikenali sebagai Universiti Malaysia Perlis yang bermula pada 1 Februari 2007. Untuk makluman hadirin dan hadirat sekalian, pada malam 31 Januari 2007 Majlis Sambutan Ambang UniMAP telah diadakan untuk meraikan detik-detik penukaran nama Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia kepada Universiti Malaysia Perlis yang telah dihadiri seramai 3000 orang warga UniMAP.

Saya percaya walaupun nama universiti telah berubah namun semangat membina KUKUM tidak akan luntur di sanubari setiap warga UniMAP dalam usaha untuk menjadikan UniMAP sebuah institusi akademik dan penyelidikan yang berdaya saing di persada antarabangsa.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

Institusi Pengajian Tinggi tidak mahu melahirkan siswazah yang hanya cemerlang dari segi akademik semata-mata. Sebaliknya ingin menghasilkan siswazah yang seimbang perkembangannya dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek, mempunyai disiplin diri yang tinggi, berketrampilan, patriotik, tidak bersikap individualistik, mempunyai semangat kerjasama berpasukan serta mampu memainkan peranan di dalam masyarakat kelak. Bagi merealisasikan cita-cita ini terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian oleh setiap warga UniMAP:

Pertama, kejayaan sesebuah organisasi amat bergantung kepada bagaimana ianya diterjemahkan ke dalam pelan tindakan, strategi, kesungguhan dan kesatuan dalam tindakan untuk melaksanakannya. Sesebuah organisasi yang baik sekalipun berkemungkinan akan gagal atau menjadi kurang berkesan sekiranya ia disalahterjemahkan serta tidak disokong oleh pelan pelaksanaan yang tepat.

Kedua, penyelarasan dan kerjasama semangat kerja berpasukan sangat penting untuk mencapai misi dan visi universiti. Kita tidak boleh bekerja sendirian dengan mengambil haluan sendiri, sebaliknya kita perlu berusaha dengan mengambil kira dan bersinergi dengan pihak-pihak lain bagi memastikan pelaksanaan kerja yang lebih berkesan dan mantap.

Ketiga, kita tidak jatuh terperangkap dalam *comfort zone* atau zon selesa yang berpotensi membunuh kreativiti. Perangkap zon selesa berupaya menjadikan kita leka, berpuas hati dengan apa yang ada dan berseronok

dengan pencapaian yang tidak seberapa. Faktor seumpama inilah yang menewaskan beberapa banyak institusi yang telah lama bertapak kerana tumpul dan hilang akan daya saingnya.

Keempat, kita perlu berani mencuba idea-idea baru. Kita tahu peluang sesuatu idea baru itu untuk berjaya adalah lebih baik sekiranya ianya dicuba, dirintis dan diuji terlebih dahulu bagi memahami setiap masalah yang bakal timbul seperti meneliti aspek kos dan faedahnya terlebih dahulu sebelum melaksanakannya. Kita perlu belajar dari pengalaman pihak lain dan sensitif terhadap setiap perkembangan terbaru serta kehendak dunia pendidikan hari ini dan di peringkat antarabangsa.

Keempat-empat aspek yang saya nyatakan tadi amat penting dalam usaha untuk memastikan siswazah yang terbaik, terlatih, berdaya saing dan kompeten untuk mengisi kemajuan negara pada tahun 2020. Akhir kata, perancangan yang teliti dan disokong oleh pelan pelaksanaan yang berkesan akan menghasilkan tenaga kerja di kalangan Bangsa Malaysia yang berpengetahuan, berkemahiran dan berdaya saing tinggi.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Shahidan Bin Kassim, Menteri Besar Perlis kerana sudi hadir ke majlis ini dan juga dif kehormat dan tetamu jemputan yang sentiasa menyokong keluarga UniMAP.

Ampun tuanku,

Sekian sahaja ucapan patik. Akhir kata, patik sekali lagi mewakili seluruh warga UniMAP ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga kepada ke bawah Duli-duli Tuanku kerana sudi bercemar duli berangkat ke majlis pada malam ini.

Patik sudahi ucapan ini dengan wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.